

buletin Selayangku Sayang

BIL 4 | 2012

EDARAN PERCUMA



TENTANG

Dato' Zainal
Abidin Aala



YBhg. Dato' YDP melakukan 'thumbprint' untuk kali terakhir bersama isteri YBhg. Datin Umi Kalsum, TYDP, Ahli Majlis, dan Pengarah

"Tasamu Dikenang"

YBHG. Dato' Zainal Abidin bin Aala telah menamatkan perkhidmatan selepas bertugas selama setahun lapan bulan sebagai Yang Dipertua MPS pada 30 November 2012.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berjaya membawa MPS melakar beberapa kejayaan yang dibanggakan melalui hubungan baik dengan Ahli Majlis dan pengurusan serta kakitangan. Ianya meliputi meningkatkan prestasi kewangan, program inovasi, sistem penyampaian perkhidmatan dan integriti kakitangan.

Beliau juga telah berjaya meningkatkan hubungan di kalangan komuniti meliputi ahli perniagaan, jawatankuasa penduduk, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta. Hubungan yang baik tersebut telah meningkatkan imej MPS di kalangan komuniti setempat dan pihak swasta yang berurusan dengan MPS.

Bersambung m/s 3



YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood B. Pa' Wan Teh -
Ahli Majlis MPS / Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak (Orang Besar Daerah Gombak)

"Dato' Zainal saya ibaratkan seperti benih yang baik. Dicampak ke darat menjadi gunung dan kalau dicampak ke laut menjadi pulau."



Tuan A. Rahim b. Ahmad Kasdi
Ahli Majlis MPS

"Beliau merupakan seorang yang berdedikasi dan amat menepati masa dalam melaksanakan tugas seharian beliau."



Tuan Mohd Zain B. A Hamid
Setiausaha / Timbalan Yang Dipertua MPS

"Dato Zainal Abidin adalah seorang ketua yang amat mudah dibawa berbincang. Beliau juga sedia mendengar idea-idea baru yang diutarakan para pegawai beliau."



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dato' Zainal Abidin bin Aala | ydp@mps.gov.my
Tuan Mohamad Zain bin A Hamid | zain@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin Bin Masoad | zin@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak | ahmad_fauzi@mps.gov.my
En. Azhar bin Che Salleh | azhar_salleh@mps.gov.my

PENGARANG

Puan Hajah Jamaliah Bt. Ahmad | jamaliah@mps.gov.my
Pn. Nor Masliawaty Asmawar binti Baharuddin
masliawaty@mps.gov.my

PEMBANTU EDITORIAL

Erni Yusliza Bt. Zainuddin | Yusliza@mail.mps.gov.my

JURUFOTO

Cik Anissapinah bt. Mohd Dan | anis@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi di atas limpah dan kurniaNya saya sebagai Yang Dipertua Majlis sepenuhnya di sini diberi kesempatan untuk meneraju meneruskan tanggungjawab dan amanah di bandar bertuah yang kaya dengan nilai budaya malah dikenali di seluruh dunia. Tahun 2012 akan kita tinggalkan, 2013 membuka lembaran yang baru yang penuh mencabar.

Keluaran kali ini adalah coretan terakhir saya selaku Yang Dipertua MPS. Tahun 2013 saya akan memulakan tugas baru di INTAN, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Sepanjang 1 tahun 8 bulan tempoh saya berkhidmat di MPS ini, matlamatnya hanyalah untuk memastikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik disajikan kepada masyarakat.

Pelbagai program dan kaedah sedang dirancang dan telah dibuat antaranya, mengadakan hari bertemu pelanggan, turun padang dan talian hotline aduan. MPS telah mendapat pengiktirafan Inovasi Laman Web bagi kategori portal dan laman web 5 bintang.

MPS juga telah berjaya merangkul Anugerah Empat Bintang dalam Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2011 serta Anugerah Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan tahun 2010 (AI).

Kejayaan demi kejayaan telah kita raih bersama. Yang terbaru, pencapaian dan kejayaan dalam Program Inovasi terutama pasukan KIK MPS telah menerima Anugerah Ketua Pengarah MAMPU dalam Konvokesyen KIK peringkat kebangsaan yang diadakan di Langkawi baru-baru ini. Saya berharap ini akan menjadikan kakitangan MPS lebih komited kepada matlamat utama jabatan iaitu untuk meningkatkan kepuasan hati pembayar cukainya.

Dalam kesempatan ini, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya sepanjang perkhidmatan saya bersama Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua bahagian, Ketua Unit dan semua kakitangan serta warga Selayang sepanjang kita bersama jika terdapat sebarang kekasaran bahasa dan keterlanjuran cara sama ada secara sedar atau tidak.

Akhir sekali, saya bagi pihak semua warga Perbandaran Selayang ingin mengucapkan selamat Tahun Baru 2013.

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA

(D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.J.C.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

Majlis Makan Malam Meraikan Mantan YDP MPS

BERTEMPAT di Royal Selangor Golf Club, Kuala Lumpur telah diadakan Majlis Makan Malam bagi meraikan mantan Yang Dipertua MPS. Majlis ini telah berlangsung pada 14 Disember 2102. Majlis ini telah dihadiri oleh ahli-ahli majlis dan pengarah-pengarah jabatan.



Sambungan m/s 1

MAJLIS Perpisahan telah diadakan pada hari tersebut di Lobi Menara MPS. Majlis dimulakan dengan bacaan Suarh Yasin dan doa selamat pada sebelah pagi yang diadakan di Surau Tingkat 8, Menara MPS. Pada sebelah petang pula, majlis 'Hi-Tea' turut diadakan di antara YDP, Timbalan YDP, Ahli Majlis dan para pengarah Jabatan MPS.

Dalam ucapannya, Tuan Mohamad Zain b. A Hamid, TYDP menyifatkan MPS kehilangan seorang pemimpin yang telah berjaya menerap satu cara kerja yang menekankan ketepatan masa dan ketelitian. Beliau berharap seluruh kakitangan akan meneruskan amalan tersebut.

YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pa'Wan Teh selaku wakil Ahli Majlis menyifatkan beliau sebagai pegawai yang berdedikasi, bertanggungjawab dan berinovasi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Majlis perpisahan telah turut dihadiri YBhg. Datin Umi Kalthom Jaafar isteri YDP, Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPS.

BENGKEL PEMAHAMAN DAN PEMANTAPAN PELAKSANAAN SISTEM PENGELUARAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN CCC



BENGKEL Pemahaman Dan Pemantapan Pelaksanaan Sistem Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan CCC MPS telah diadakan di Hotel Equatorial Cameron Highland Pahang bermula pada 21 hingga 23 November 2012. Bengkel anjuran Bahagian OSC ini melibatkan seramai 30 peserta dari jabatan teknikal MPS, Daerah Gombak dan Negeri Selangor.



Penerangan Isu **TALAM CORPORATION BERSAMA RAKYAT**

SESI penerangan hutang TALAM telah diadakan pada 3 Nov 2012 lepas bermula dari jam 8.00 malam hingga 11.00 malam bertempat di Lobi Menara MPS. Program ini bertujuan untuk menerangkan bagaimana hasil kutipan ini dikembalikan semula kepada rakyat Selangor menerusi program-program di bawah Geran Selangorku bagi membaiki infrastruktur dan kemudahan asas lain. Y.B. Tuan William Leong Jee Keen telah membentangkan dan menerangkan dari awal bagaimana hutang ini terjadi sehinggalah kaedah yang digunakan bagi mengutip kesemua hutang yang berjumlah sebanyak RM392 juta. Antara barisan EXCO yang hadir pada sesi penerangan tersebut ialah Y.B. Elizabeth Wong, Pemimpin-pemimpin Tempatan, Ketua Komuniti, Ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan, Jawatankuasa Penduduk dan JKKK Kampung. Seramai lebih kurang 150 orang telah menghadiri program tersebut.



Kursus Pengurusan **PENYELENGGARAAN POKOK TEDUHAN MELALUI AMALAN ARBORIKULTUR**



MAJLIS Perbandaran Selayang melalui Jabatan Taman & Rekreasi telah menganjurkan Kursus Pengurusan Penyelenggaraan Pokok Teduhan melalui Amalan Arborikultur.

Objektif kursus adalah bagi memastikan penyelenggaraan landskap dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, berpengetahuan serta berteknologi dalam bidang penyelenggaraan landskap khususnya penyelenggaraan pokok teduhan yang mana amat penting untuk

mencapai mutu perkhidmatan yang berkualiti. Kursus ini telah diadakan pada 5 - 7 Disember 2012 bertempat di Hotel Dynasty, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pelbagai pihak dan jabatan yang bertanggungjawab dalam aspek pengurusan landskap telah berkumpul bagi menjayakan kursus ini.

Kursus selama tiga hari ini telah mengumpulkan seramai 60 peserta dari seluruh Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Sambutan Perayaan **DEEPAVALI MPS**

SAMBUTAN Perayaan Deepavali di Dewan Sri Siantan, Sg. Tua telah berlangsung pada 2 November 2012. Sambutan ini merupakan acara tahunan MPS yang diselia oleh Biro Kebajikan Kakitangan India MPS.

Penghargaan diberikan kepada anak-anak kakitangan India yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala cenderahati turut disampaikan kepada kakitangan India yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebagai tanda penghargaan terhadap pelaksanaan tugas yang penuh komited, dedikasi dan efisien.

Antara tetamu kehormat yang hadir pada malam itu adalah YDP MPS, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Aala, Ahli Majlis, Pengarah dan kakitangan MPS. Seramai lebih kurang 600 orang telah menghadiri sambutan pada malam tersebut.



Sambutan Perayaan Deepavali Peringkat **AHLI MAJLIS MPS**

AHLI Majlis MPS telah turut menganjurkan Sambutan Perayaan Deepavali di Lobi Menara MPS pada 28 November 2013.

Majlis ini telah turut dihadiri oleh Dato' YDP, YB Tuan Ronnie Liu, Exco Negeri Selangor, Ahli-Ahli Majlis, pengarah dan kakitangan. Selain menikmati hidangan makan malam para hadirin telah dihiburkan dengan acara persembahan pentas oleh artis jemputan.



► **RUMAH** Terbuka Deepavali Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan di Bandar Country Homes, Rawang Pada 1 Disember 2012. Jelajah Deepavali Kali Ketiga ini dihadiri Barisan Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor, antaranya YB Dr. Xavier Jayakumar, YB Ronnie Liu, dan YB Gan Pei Nei. Seramai 1,500 orang telah hadir di majlis tersebut.

Lawatan Kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

MPS telah mengadakan lawatan ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 20 November 2012. Lawatan tersebut telah diketuai oleh YDP MPS, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Aala.

YBhg. Dato' Salleh b. Yusuf, Ketua Pengarah DBKL telah mempengerusikan sesi perbincangan tersebut.

Objektif lawatan ini adalah untuk berbincang dan meningkatkan hubungan persempadanan kawasan yang ditadbir oleh kedua-dua belah pihak. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah pelaksanaan undang-undang berkaitan PBT, isu persempadanan, pengurusan lesen rumah urut, pub dan pusat hiburan dan pelaksanaan operasi-operasi khas.



Konvoi Jelajah PBT anjuran Majlis Daerah Hulu Selangor

SERAMAI 79 orang kakitangan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah singgah di MPS dalam meraikan Program Konvoi Jelajah PBT Selangor 2012, "Salam Ukhwah PBT Selangor 2012" yang diadakan pada 4 Disember 2012.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan ke arah yang lebih akrab di antara kakitangan MDHS dan MPS, di samping saling berkongsi input tentang pembangunan di kawasan MPS. Majlis sambutan diadakan di lobi Menara MPS yang turut dihadiri oleh Ahli Majlis MPS dan MDHS, pegawai dan kakitangan.



Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Peringkat Negeri Selangor

AEON Rawang telah menjadi lokasi pilihan bagi menjayakan Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Peringkat Negeri Selangor. Program ini telah diadakan pada 17-18 November 2012 iaitu pada hari Sabtu dan Ahad bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Program yang berlangsung selama dua hari tersebut telah menerima sebanyak 60 aduan. Jabatan Bangunan mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 23 aduan. Ini diikuti oleh Jabatan Kejuruteraan dengan catatan 12 aduan.



Imbas kod QR ini untuk membuat aduan secara dalam talian.

Program Kesihatan Wanita sempena Hari Wanita Sedunia 2012

MPS telah menganjurkan program Kesihatan Wanita bersempena dengan Hari Wanita Sedunia 2012 yang bertempat di lobi Menara MPS. Program ini telah berlangsung pada 18 November 2012 dari jam 8.00 pagi sehingga 5.30 petang. Beberapa gerai jualan dan pameran telah dibuka untuk pengunjung yang hadir. Antara pameran menarik yang dipamerkan ialah berkenaan dengan kanser payudara dan kanser serviks.

Objektif program ini adalah untuk menyuntik kesedaran kepada semua golongan wanita tentang kepentingan mengekalkan kecantikan wajah, kulit, kesihatan dan keterampilan diri. YB. Pn. Hajah Rodziah binti Ismail merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, Kebajikan, Kebudayaan, Sains, Teknologi dan Inovasi, telah berbesar hati untuk merasmikan program ini. Program ini disertai oleh kakitangan MPS, Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita MPS, Pusat Wanita Berdaya (PWB), wakil-wakil dari setiap Zon Jawatankuasa Penduduk serta wanita bekerjaya, suri rumah dan ibu tunggal.

Imbas kod QR ini untuk tips-tips kecantikan dan ketrampilan diri wanita.



PELANCARAN *Skuad Bermotor MPS*

PELANCARAN Skuad Bermotor Majlis Perbandaran Selayang diadakan di Lobi Menara MPS pada 05 Disember 2012.

Tujuan utama Pelancaran Skuad Bermotor MPS adalah untuk memudahkan pergerakan ketika tindakan diambil terhadap iklan-iklan haram serta pelekat yang tidak berlesen.

Perasmian pelancaran telah disempurnakan oleh YAD. Tan Sri Dato' Paduka Dato' Haji Wan Mahmood b. Pa' Wan Teh, Orang Besar Gombak.

Seramai 15 anggota terlibat dalam majlis pelancaran ini serta terdapat 10 buah motorsikal beroda dua dan 5 buah motorsikal beroda tiga turut menyertai pelancaran ini.



INOVASI PENCETUS KECEMERLANGAN MPS

MPS telah melancarkan sistem ISO online yang bertujuan untuk memudahkan pemantauan di samping menjimatkan kos. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Dato' Yang Dipertua semasa melancarkan sambutan Hari Inovasi MPS Tahun 2012 pada 30 November 2012.

Dalam majlis tersebut, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menyampaikan pensijilan semula MS ISO 9001:2008.

Selain itu penyampaian hadiah program APB 5S bagi kategori Sudut 5S, Ruang

Kerja Kakitangan dan Bilik Fail Terbaik telah disempurnakan oleh Dato' Yang Dipertua.

Pelbagai acara telah diadakan bagi memeriahkan pelancaran Hari Inovasi. Antara acara yang diadakan adalah persembahan daripada kumpulan KIK UNA VOCE dan diikuti dengan pelancaran Buku Senarai Kesalahan Berserta Barcode.

Bagi acara kempen membaca "15 Minutes Reading Break", Perpustakaan Daerah Gombak berbesar hati untuk memberi

kerjasama dalam kempen tersebut.

Para tetamu VIP juga telah mengunjungi meja pameran dan jualan buku keluaran Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd. dan PTS Publication Sdn. Bhd. selain dibawa melawat ke Pameran Program Inovasi MPS dan projek Kumpulan KIK di gerai yang telah disediakan.

Di samping itu, dua siri ceramah integriti telah diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya.



MAJLIS MAKAN MALAM GEMILANG KIK



DEWAN Terbuka Hutan Lipur Sungai Tua (HUTLISTA) Ulu Yam (Stage 2) menjadi lokasi pilihan bagi mengadakan Majlis Makan Malam Gemilang KIK 2012 yang berlangsung pada 29 November 2012.

Majlis ini diadakan sempena meraikan kejayaan Kumpulan Kreatif dan Inovatif MPS sepanjang tahun 2012. Antara kejayaan cemerlang ialah Kumpulan Una Voce memperoleh tempat ketiga di Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan. Selain itu kumpulan Una Voce telah berjaya melayakkan diri dalam Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan anjuran MPC bagi tahun 2012 yang telah diadakan pada 15 - 17 Oktober di KLCC, Kuala Lumpur.

Majlis ini turut dihadiri oleh 12 kumpulan KIK MPS yang telah ditubuhkan sebelum ini bagi menyuntik semangat berpasukan. Antara jemputan lain yang menghadiri majlis ini ialah semua kumpulan KIK dan kakitangan MPS. Seramai lebih kurang 250 orang kakitangan telah hadir pada malam tersebut.



Imbas kod QR ini untuk lebih banyak gambar!

LAWATAN RASMI JAWATANKUASA AUDIT KE MBBJ, JOHOR BAHRU



JAWATANKUASA Audit dan Perancangan Korporat (JKAPK) MPS telah mengadakan lawatan ke Majlis Perbandaran Johor Bharu pada 17 hingga 19 Oktober 2012. Lawatan yang diketuai Tuan Zulkifli Hamzah, Ahli Majlis selaku pengerusi JKAPK turut disertai Ahli Majlis, Pengarah dan kakitangan.

Tuan Hj Abd. Ghazali bin Karim selaku Pengarah JKP MBBJ telah memberi taklimat pembangunan bandar Johor Bharu. Selain itu, peserta juga telah dibawa melawat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar, Nusajaya.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

MESYUARAT Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bilangan 4/12 telah diadakan di Mutiara Burau Bay Beach Resort, Pulau Langkawi pada 8 November 2013.

Mesyuarat telah dipengerusikan Dato' Yang Dipertua dan turut dihadiri Timbalan YDP, Pengarah Jabatan dan 17 orang AJK MBBJ.

Dalam mesyuarat tersebut, MBBJ memperkenalkan 3 orang AJK baru iaitu Cik Raihan binti Hasnan, En. Mohd. Zaki bin Abdollah dan En. Mohd Asmadi bin Abdullah.

Mesyuarat telah membincangkan pelbagai usul dan saranan yang telah dibawa oleh MBBJ berkaitan kebijakan dan kepentingan kakitangan.



Imbas kod QR ini untuk senarai penuh Ahli Jawatankuasa MBBJ MPS

BENGGKEL AHLI MAJLIS

UNTUK meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian di kalangan Ahli Majlis, satu bengkel telah diadakan di Mutiara Burau Bay Beach Resort, Pulau Langkawi, pada 7 November 2012.

YB Hj. Ir. Phahrolradzi bin Hj Zawawi, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Kerja Raya Negeri Kedah telah dijemput sebagai penceramah untuk membentangkan Tugas dan Tanggungjawab Ahli Majlis.



Selepas pembentangan pelbagai persoalan telah dibincangkan bersama Ahli Majlis dan Pengarah. Bengkel tersebut telah turut dihadiri Dato Yang Dipertua, Timbalan YDP dan seramai 17 orang Ahli Majlis dan 19 orang pengarah jabatan.



OPERASI PUSAT SIBER

OPERASI Pusat Siber telah diadakan di Pusat Siber Taman Gombak Permai, pada 19 Disember 2012.

Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS bersama agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) telah melakukan serbuan terhadap dua premis yang telah dikesan menjalankan kegiatan haram ini.

Kompaun sebanyak RM1000 telah dikenakan kepada pemilik pusat siber tersebut di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber Seksyen 3 kerana telah menjalankan perniagaan tanpa kebenaran. Operasi serbuan tersebut telah berjaya merampas sebanyak 36 papan kekunci dan 35 buah komputer. Selain itu, turut dirampas ialah peti sejuk, pembersih hampagas dan kerusi.

Manakala, pihak TNB dan SYABAS telah memotong bekalan elektrik dan air di premis tersebut. Tindakan tegas ini terpaksa diambil memandangkan pihak premis tetap berdegil membuka semula premis biarpun tindakan sitaan pernah dilakukan sebelum ini.



TURUN PADANG ADUAN AWAM



SATU lawatan aduan awam tentang longkang tersumbat di Medan Batu Caves telah diadakan bertarikh 31 Disember 2012. Bagi menyelesaikan masalah ini, Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Alam Sekitar telah mengarahkan pihak kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan tersebut dengan menggunakan teknik menyembur air. Masalah timbul apabila pemilik premis menutup longkang di hadapan premis masing-masing.

OPERASI LESEN



BAGI memastikan setiap premis perniagaan mempunyai lesen, satu operasi berkaitan telah diadakan pada bulan November 2012. Pemeriksaan juga meliputi pematuhan lain seperti bangunan, kebersihan dan halangan.

OPERASI RUMAH URUT



ANGGOTA Penguatkuasa telah membuat pemeriksaan ke atas sebuah rumah di Taman Sunway Batu Caves yang telah menjalankan aktiviti pelacuran. Hasil pemeriksaan anggota telah menyita beberapa barangan di premis untuk menghentikan aktiviti tersebut.

KONVENSYEN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN

UNA VOCE RANGKUL ANUGERAH KETUA PENGARAH MAMPU



KONVENSYEN Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-29 bagi tahun 2012 telah diadakan di Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah pada 5 - 7 November 2012.

Kumpulan Una Voce dari Bahagian Undang-Undang MPS telah mewakili Negeri selangor

untuk kategori pengurusan. Dengan projek Buku Senarai Kesalahan Beserta Barcode telah berjaya merangkul tempat ketiga dengan mendapat Anugerah Ketua Pengarah MAMPU.

Konvensyen KIK ini telah menghimpunkan kumpulan-kumpulan yang telah berjaya mewakili negeri masing-masing dan juga kementerian melalui hasil inovasi dan cetusan kreativiti masing-masing untuk dipertandingkan ke peringkat kebangsaan. .

Turut menghadiri konvensyen tersebut ialah Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis MPS dan Pengarah-pengarah jabatan.



SAMBUTAN Hari Inovasi Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2012 telah diadakan pada 3 Disember 2012 bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS, Shah Alam.

MPS telah menerima Anugerah 5 Bintang untuk Pengiktirafan Inovasi Laman Web dan Pengiktirafan 4 Bintang untuk STAR Rating 2011.

MPS juga turut mempamerkan projek KIK Una Voce yang telah memenangi Anugerah Ketua Pengarah MAMPU di Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan.

SAMBUTAN HARI LAHIR KAKITANGAN MPS



OKTOBER | 72 ORANG



NOVEMBER | 88 ORANG



DISEMBER | 85 ORANG

Imbas kod QR ini untuk senarai penuh kakitangan MPS yang diraikan.





Program CSR

MPS BERSAMA SCOPE INTERNATIONAL SDN BHD

PROGRAM Gotong Royong di kawasan Hutan Lipur Sungai Tua (Hutlista), Ulu Yam telah diadakan pada 8 Disember 2012.

Program anjuran Jabatan Taman dan Rekreasi, MPS dengan kerjasama Scope International Malaysia Sdn. Bhd. berobjektif untuk mengeratkan jalinan dan hubungan kerjasama di antara MPS dan syarikat swasta bagi mewujudkan kebersihan alam sekitar serta mampu menjadikan kawasan MPS lebih cantik dan selesa. Seramai 400 orang sukarelawan dari Scope International Malaysia Sdn. Bhd. dan 30 orang kakitangan MPS yang telah terlibat dalam menjayakan program ini. Kerja-kerja penanaman 180 pokok teduhan dan hiasan juga telah dilaksanakan disekitar dewan, tempat letak kereta dan pintu masuk Hutlista 2. Kerja-kerja pembersihan dan mengecat juga turut dilaksanakan dalam kawasan tersebut.

Kejohanan Tenpin Boling **PIALA PUSINGAN YDP MPS**

KEJOHANAN Tenpin Bowling Piala Pusingan YDP MPS telah diadakan pada 15 Disember 2012 yang bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall.

Kejohanan ini merupakan kesinambungan kejohanan yang telah diadakan sejak dari tahun 2011. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Kerajaan serta Badan Berkanun di seluruh Negeri Selangor merupakan penjawat awam yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini.

Untuk meraikan para pemenang, pelbagai hadiah menarik telah disediakan antaranya piala iringan dan sijil penghargaan. Kejohanan ini turut dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah.

Tuan LAr. Mokhtar Affandi b. Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Taman dan Rekreasi berbesar hati menyempurnakan upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang.



MPS Naib Johan Acara Perbarisan di **SUKAN HARI PENGUATKUASA**

SUKAN Hari Penguatkuasa Selangor bagi tahun 2012 telah diadakan di Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya, pada 20 - 21 Oktober 2012.

Hari Penguatkuasa Selangor ini dimeriahkan dengan beberapa acara sukan di antaranya bola tampar, catur, dart, futsal, bola jaring, boling dan perbarisan.

Jabatan Penguatkuasa dan Keselesaan MPS telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan dalam acara perbarisan dan merangkul tempat ketiga dalam acara boling.

Hari Penguatkuasa Selangor 2012 telah disertai oleh semua PBT Selangor.

